

AKHBAR :

SINAR HARIAN

TARIKH / HARI :

17 OGOS 2017 ( KHAMIS )

Sst 17/8/17

## MBSA terima anugerah lima bintang

MAJLIS Bandaraya Shah Alam (MBSA) memenangi anugerah lima bintang daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor atas pencapaian 100 peratus dalam KPI HRMIS 2016.

Ketua Bahagian Korporat & Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad berkata, majlis penganugerahan disempurnakan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Mohd Amin Ahmad Ahya kepada Timbalan Datuk Bandar Shah Alam, Shukri Mohamad Hamin bertempat di Hotel Grand Blue Wave, di sini.

Penyampaian anugerah dibuat pada Majlis Makan Malam sempena Mesyuarat

Pengurus-Pengurus Sumber Manusia Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor dan Agensi di bawah pentadbiran SUK Selangor dan pihak berkuasa tempatan (PBT) baru-baru ini.

"Penerimaan anugerah tersebut akan jadi motivasi kepada warga kerja MBSA untuk berikan perkhidmatan yang terbaik kepada orang ramai.

"Pengiktirafan itu juga akan mendorong warga kerja MBSA untuk terus kekalkan tahap cemerlang dalam mengemaskinikan aplikasi submodul HRMIS untuk menjadi antara yang terbaik dalam kalangan agensi-agensi kerajaan dan PBT di Malaysia," katanya.



Mohd Amin (kiri) menyampaikan anugerah lima bintang atas pencapaian 100 peratus MBSA dalam KPI HRMIS 2016 kepada Shukri pada majlis berkenaan.